

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 28 Ogos 2024**

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## KENYATAAN MEDIA

### BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JULAI 2024

#### PULAU PINANG, JOHOR DAN SELANGOR MENYUMBANG 70.6 PERATUS DARIPADA EKSPORT PADA BULAN JULAI 2024

**PUTRAJAYA, 28 OGOS 2024** – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bermaklumat RM255.9 bilion pada Julai 2024 dengan eksport dan import masing-masing bermaklumat RM131.1 bilion dan RM124.7 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI JULAI 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bermaklumat RM131.1 bilion pada Julai 2024, meningkat sebanyak RM14.4 bilion (+12.3%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM5.2 bilion), Selangor (+RM2.3 bilion), Pulau Pinang (+RM1.9 bilion), Sarawak (+RM1.8 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.3 bilion), Perak (+RM1.2 bilion), Terengganu (+RM1.0 bilion), Kedah (+RM457.7 juta), Negeri Sembilan (+RM105.2 juta), Melaka (+RM63.9 juta) dan Pahang (+RM59.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Labuan sebanyak RM1.1 bilion, Sabah (-RM150.4 juta), Perlis (-RM34.8 juta) dan Kelantan (-RM26.3 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.6 peratus, diikuti oleh Johor (21.4%), Selangor (17.6%), Sarawak (7.6%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Julai 2024 meningkat RM25.3 bilion (+25.4%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM8.4 bilion), Johor (+RM5.6 bilion), Selangor (+RM5.4 bilion), Kedah (+RM2.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.5 bilion), Melaka (+RM440.6 juta), Perak (+RM380.8 juta), Sarawak (+RM138.6 juta), Kelantan (+RM81.2 juta), Negeri Sembilan (+RM64.8 juta), Perlis (+RM60.9 juta), Terengganu (+RM55.6 juta) dan Pahang (+RM26.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Sabah sebanyak RM43.7 juta dan W.P. Labuan (-RM36.8 juta).


Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 26.5 peratus, diikuti oleh Johor (22.7%), Pulau Pinang (22.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.0%) dan Kedah (5.8%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,  
Julai 2023 – Julai 2024 (RM Bilion)**



## Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Julai 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
28 OGOS 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, August 28<sup>th</sup>, 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## PRESS STATEMENT **FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JULY 2024**

### **PULAU PINANG, JOHOR AND SELANGOR CONTRIBUTED 70.6 PER CENT OF EXPORTS IN JULY 2024**

**PUTRAJAYA, 28 August 2024 –** Malaysia's total trade for July 2024 amounted to RM255.9 billion with exports and imports recorded RM131.1 billion and RM124.7 billion, respectively as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE JULY 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM131.1 billion in July 2024, increased RM14.4 billion (+12.3%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Johor (+RM5.2 billion), Selangor (+RM2.3 billion), Pulau Pinang (+RM1.9 billion), Sarawak (+RM1.8 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.3 billion), Perak (+RM1.2 billion), Terengganu (+RM1.0 billion), Kedah (+RM457.7 million), Negeri Sembilan (+RM105.2 million), Melaka (+RM63.9 million) and Pahang (+RM59.0 million). However, exports decreased in W.P. Labuan by RM1.1 billion, Sabah (-RM150.4 million), Perlis (-RM34.8 million) and Kelantan (-RM26.3 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 31.6 per cent share, followed by Johor (21.4%), Selangor (17.6%), Sarawak (7.6%) and W.P. Kuala Lumpur (4.3%).

*Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in July 2024 increased RM25.3 billion (+25.4%) as compared to the same month in 2023. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Pulau Pinang (+RM8.4 billion), Johor (+RM5.6 billion), Selangor (+RM5.4 billion), Kedah (+RM2.3 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.5 billion), Melaka (+RM440.6 million), Perak (+RM380.8 million), Sarawak (+RM138.6 million), Kelantan (+RM81.2 million), Negeri Sembilan (+RM64.8 million), Perlis (+RM60.9 million), Terengganu (+RM55.6 million) and Pahang (+RM26.7 million). However, imports decreased in Sabah by RM43.7 million and W.P. Labuan (-RM36.8 million).*


*Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 26.5 per cent, followed by Johor (22.7%), Pulau Pinang (22.3%), W.P. Kuala Lumpur (7.0%) and Kedah (5.8%).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

**Chart 1: Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor,  
July 2023 – July 2024 (RM Billion)**



**Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, July 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**28 AUGUST 2024**